

### TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)

Bil	Perkara	Keterangan
1	Pengenalan	<p>a) Geran Digital Penjaja Madani adalah geran inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) &amp; Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) bagi membantu penjaja untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian ("Inisiatif").</p> <p>b) Inisiatif ini ditawarkan kepada penjaja di bawah Belanjawan Madani 2023 bagi mendapatkan perkhidmatan digital daripada pembekal perkhidmatan yang dilantik.</p> <p>c) Jumlah dana yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui BSN sebagai bank pembayar untuk setiap penjaja yang layak adalah sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Ringgit sahaja) daripada keseluruhan jumlah inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik bagi melaksanakan proses pendigitalan serta lain-lain perkhidmatan yang disenaraikan di dalam Inisiatif ini.</p>
2	Amaun	Jumlah geran bagi setiap penjaja adalah sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Ringgit) sahaja dan akan dibayar kepada pembekal perkhidmatan digital yang dilantik.
3	Geran Digital	<p>a) Tidak layak kepada penjaja yang telah menerima Geran Digital PMKS Madani.</p> <p>b) Geran padanan ini terhad untuk satu (1) permohonan sahaja bagi setiap penjaja.</p>
4	Perkhidmatan Digital	<p><u>Pembayaran Digital / Sistem Elektronik <i>Point of Sale</i> (e-POS)</u></p> <p>Penggunaan perisian seperti <i>Point-Of-Sale</i> untuk memudahkan operasi syarikat penjaja.</p>
6	Kelayakan	a) Perniagaan berstatus "Penjaja" seperti di bawah.

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)**

		<b>Kategori Penjaja</b>	<b>Keterangan</b>
		Statik	Penjaja yang mengendalikan gerai tetap di kawasan awam atau swasta yang mempamerkan barangan untuk dijual (termasuk makanan dan minuman)
		Bergerak / Beredar	Penjaja yang menjaja dari lokasi ke lokasi; dengan atau tanpa kenderaan, mempamerkan barang-barang untuk dijual (termasuk makanan dan minuman)
		Sementara	Penjaja yang mengendalikan gerai sementara di lokasi yang mempamerkan barangan untuk dijual (termasuk makanan dan minuman) untuk tempoh tertentu. Ia termasuk gerai buah-buahan bermusim, gerai promosi / perayaan / festival, pasar malam / pasar harian / pasar tani
7	Dokumen		a) Salinan Kad Pengenalan pemilik tunggal/rakan kongsi. b) Dokumen pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Lesen Perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan / Permit Operasi / Lesen dari Majlis Daerah. c) Penyata Bank untuk dua (2) bulan terkini. d) Bil elektrik / Bil air terkini. e) Dokumen sokongan dan maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
8	Mekanisma Inisiatif		a) Penjaja hendaklah berkomunikasi dan melantik salah satu pembekal perkhidmatan untuk melaksanakan Perkhidmatan Digital: Pembayaran Digital / Sistem Elektronik Point of Sale (e-POS) untuk memudahkan operasi syarikat penjaja.

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)**

	<p>b) Penjaja hendaklah mengemukakan permohonan melalui platform <i>online</i> yang telah disediakan.</p> <p>c) Sekiranya sebarang maklumat yang diberikan didapati tidak tepat dan/atau palsu, pihak BSN mempunyai hak untuk meminta dokumen tambahan daripada penjaja dan/atau menolak permohonan penjaja.</p> <p>d) Setelah permohonan penjaja diluluskan, pihak BSN akan membuat pembayaran terus Amaun tersebut kepada pembekal perkhidmatan secara penuh atau secara berperingkat mengikut budi bicara BSN.</p> <p>e) Peruntukan RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu) adalah tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>f) Penjaja hendaklah memastikan modul latihan serta lain-lain aktiviti pendigitalan yang telah ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna.</p> <p>g) Penjaja hendaklah mengemukakan bukti pengaktifan pendigitalan (<i>Proof of Activation</i>) sekiranya diminta oleh BSN pada bila-bila masa.</p> <p>h) Penjaja hendaklah memastikan proses pelaksanaan Perkhidmatan Digital yang dibiayai oleh Inisiatif ini dilaksanakan sepenuhnya.</p> <p>i) Semasa mengambil bahagian di dalam Inisiatif ini, kepentingan untuk menjaga nama baik Penjaja, pihak BSN, MDEC, MCMC dan Kementerian Kewangan perlu dititikberatkan oleh penjaja. Penjaja dilarang sama sekali untuk terlibat di dalam aktiviti perniagaan yang tidak sah atau menyalahi undang-undang yang boleh mengganggu-gugat imej Penjaja, pihak BSN, MDEC, MCMC dan Kementerian Kewangan.</p> <p>j) Sekiranya Penjaja gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat di sini atau lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dan MDEC dari semasa ke semasa, pihak BSN dan</p>
--	--

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)**

		<p>MDEC akan mengambil tindakan sewajarnya dan nama syarikat penjaja akan disenarai hitam dari menyertai sebarang inisiatif pendigitalan yang dianjurkan oleh pihak BSN atau mana-mana agensi kerajaan yang lain.</p>
9	Terma Dan Syarat Am	<p>a) Dengan menyertai Inisiatif ini, penjaja bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat disini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dan MDEC dari semasa ke semasa.</p> <p>b) Penjaja bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi pemilik / rakan kongsi syarikat penjaja dan / atau maklumat syarikat penjaja termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan MDEC untuk tujuan Inisiatif ini dan lain-lain tujuan berkaitan perkhidmatan atau pemakluman BSN.</p> <p>c) Dalam apa keadaan sekalipun, BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan terhadap sebarang kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Inisiatif ini.</p> <p>d) BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh penjaja yang layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Inisiatif ini atau sebaliknya. BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Inisiatif ini disebabkan oleh</p>

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)**

		<p>kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, epidemik, pandemik, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN, MDEC dan MCMC.</p> <p>e) BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, tertakluk kepada sebarang perubahan dasar kerajaan dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di mana-mana kaedah komunikasi yang BSN, MDEC dan MCMC fikirkan sesuai.</p> <p>f) Penjaja yang layak hendaklah mengakses laman web BSN di <a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a> dari semasa ke semasa untuk memastikan penjaja yang layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.</p> <p>g) Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat penjaja yang layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua penjaja yang layak melalui paparan di BSN, MDEC dan MCMC atau melalui notis yang dihantar oleh BSN, MDEC dan MCMC atau pengiklanan di laman media sosial BSN, MDEC dan MCMC atau mana-mana cara lain yang BSN, MDEC dan MCMC fikirkan sesuai.</p> <p>h) Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Inisiatif ini, maka Terma dan Syarat ini akan diutamakan. Sebarang perkara mengenai Inisiatif yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan</p>
--	--	--

### TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPjM)

		<p>Syarat ini adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN dan MDEC.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Sebarang kos yang dikeluarkan oleh penjaja dalam menyertai Inisiatif ini adalah di bawah tanggungjawab penjaja.</li><li>j) Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.</li></ul>
10	Data Peribadi	<p>Penjaja yang layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;</li><li>b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan</li><li>c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.</li></ul>